

# INDUSTRI AGROMAKANAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI KOPERASI

**Hamizah Mohd Nadzir**

hamizah@mkm.edu.my

Maktab Koperasi Malaysia Zon Utara

## Pengenalan

Sektor pertanian merupakan salah satu penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi dan enjin pembangunan negara. Pertumbuhan ekonomi yang bersifat fizikal seperti pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan, pertambahan infrastruktur dan peningkatan pembangunan ekonomi lain dan merupakan alat untuk mengukur prestasi pembangunan ekonomi negara.

**Bagi menjadikan pertanian sebagai salah satu fungsi penting dalam koperasi, sektor ini harus memberi sumbangan yang ketara dalam pembangunan ekonomi koperasi.**

Keperluan kepada jaminan keselamatan dan memenuhi bekalan makanan, merupakan cabaran besar buat negara seiring dengan pertambahan penduduk saban tahun. Sehubungan itu, Dasar Agromakanan Negara (DAN), 2011-2020, yang dilancarkan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) pada tahun 2011 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah diperkenalkan untuk menangani isu bekalan makanan di Malaysia. Selaras dengan pelancarannya, masyarakat telah menyaksikan satu lagi lonjakan baharu kepada negara untuk memenuhi keperluan bekalan makanan, bukan sahaja penduduk di negara ini, malah di seluruh dunia. Matlamat dasar tersebut memberi fokus kepada aspek pembangunan komoditi makanan yang merangkumi jaminan bekalan makanan dan meningkatkan pemprosesan serta pendapatan eksport pertanian bernilai tinggi. Bagi menjadikan pertanian sebagai salah satu fungsi penting dalam koperasi, sektor ini harus memberi sumbangan yang ketara dalam pembangunan ekonomi koperasi.

Pelancaran DAN jelas menunjukkan betapa warga tani di negara ini memikul satu tanggungjawab yang cukup berat. Namun, negara akan

mengalami krisis bekalan makanan jika masyarakat peladang, penternak dan nelayan tidak memainkan peranan mereka untuk memastikan penduduk di negara ini terus mendapat keperluan makanan secukupnya dan terjamin keselamatannya. Selain itu, agromakanan atau makanan yang dihasilkan dari pertanian, merupakan sektor ekonomi primer yang penting dari segi kepentingan sosial melalui sumbangannya dalam meluaskan lagi peluang pekerjaan dan sebagai sumber pendapatan utama koperasi.

### **Industri Agromakanan di Malaysia**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, sektor pertanian mencatat pertumbuhan sebanyak 2.4 peratus. Sektor pertanian dilihat sebagai pembekal bahan mentah yang penting dan dianggarkan boleh menyumbang sebanyak 19.6 peratus kepada nilai ditambah sektor pembuatan pada tahun 2015. Industri agromakanan juga dianggar menyumbang sebanyak 38.8 peratus kepada jumlah nilai ditambah sektor pertanian sementara komoditi industri pula sebanyak 60.5 peratus. Kadar pertumbuhan tahunan purata industri agromakanan adalah dianggar mencapai 3.4 peratus. Industri yang mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata yang tertinggi termasuk industri sayur-sayuran sebanyak 9.7 peratus, buah-buahan sebanyak 9 peratus dan ternakan sebanyak 8.1 peratus.

Kejayaan yang dicapai dalam industri agromakanan adalah sejajar dengan sasaran DAN untuk meningkatkan sumbangan industri ini kepada nilai tambah

sektor pertanian. Pada masa kini, pertumbuhan ekonomi dunia yang semakin pesat dan kewujudan proses globalisasi, telah menjadikan persekitaran ekonomi lebih dinamik dan berdaya saing. Keadaan ini telah mewujudkan peluang dan dalam masa yang sama, mewujudkan cabaran kepada industri agromakanan di Malaysia. Sumbangan industri agromakanan kepada jumlah eksport makanan pada tahun 2015 telah meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 9.8 peratus kepada RM14.9 bilion berbanding tahun 2011. Penyumbang utama kepada eksport makanan adalah kopi, koko, teh, rempah dan keluaran sebanyak 26.4 peratus, keluaran dan makanan lain sebanyak 25.8 peratus.

Produktiviti guna tenaga industri agromakanan mencatat trend yang meningkat dengan kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 3.7 peratus untuk tahun 2011-2015. Kadar pertumbuhan tahunan purata produktiviti setiap pekerja meningkat daripada RM32,206 pada tahun 2010 kepada RM38,703 pada tahun 2015, iaitu sebanyak 20.2 peratus. Peningkatan ini disebabkan oleh latihan kemahiran yang berterusan, penggunaan teknologi penjimatan buruh melalui mekanisasi dan automasi dalam aktiviti pengeluaran makanan serta pengamalan teknologi penanaman seperti fertigasi. Hasil dapat ditingkatkan melalui pembangunan sektor ini dan secara langsung menambahkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan anggota koperasi. Justeru, kepentingan sosial dan pengagihan kekayaan yang seimbang dapat dicapai dalam



memenuhi matlamat penubuhan koperasi melalui penerapan nilai dan prinsip koperasi.

Jumlah guna tenaga dalam industri agromakanan dijangka akan bertambah daripada 585,600 pekerja pada tahun 2010 kepada 669,200 pekerja pada tahun 2020. Produktiviti bagi setiap pekerja juga dijangkakan meningkat sebanyak 38.3 peratus pada tahun 2020 iaitu daripada RM 32,206 pada tahun 2010 kepada RM 44,544. Peningkatan ini disebabkan oleh penggunaan teknologi moden termasuk alatan mekanisasi dan automasi, intensifikasi penggunaan faktor pertanian secara mampan dan seimbang serta penggunaan amalan pengurusan ladang baik yang lebih meluas.

Peningkatan permintaan makanan berikutan pertambahan penduduk dan peningkatan pendapatan serta perubahan cita rasa pengguna dijangka memberi tekanan kepada industri pengeluaran makanan tempatan. Aspek keselamatan makanan dan pemakanan juga perlu diberi penekanan dalam pengeluaran makanan. Usaha

untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dibeli telah diteruskan dalam DAN melalui program peningkatan pengeluaran dan produktiviti. Inisiatif jaminan bekalan makanan ditumpukan kepada pengeluaran beras, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan bagi mencapai tahap sara diri (SSL) yang dirancang. Melalui hubungan ini, perancangan jangka panjang usaha tersebut akan ditumpukan kepada strategi berikut:

- meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan;
- meningkatkan akses kepada makanan;
- menstabilkan harga makanan; dan
- menjamin keselamatan makanan dan pemakanan.

## Koperasi Pertanian di Malaysia

Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 turut menekankan sektor pertanian dan asas tani sebagai salah satu bidang keberhasilan utama gerakan koperasi di Malaysia. Bagi meningkatkan keberhasilannya, koperasi

digalakkan untuk menceburi bidang pertanian secara berskala besar serta beroperasi menerusi pakatan strategik, menguasai rantai nilai industri, dan pelaburan dalam bidang baharu berteknologi tinggi.

Sehingga tahun 2015, sebanyak 2,746 buah koperasi telah berdaftar sebagai koperasi pertanian di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Koperasi pertanian menduduki tangga ketiga dari segi bilangan koperasi yang didaftarkan, selepas fungsi pengguna dan perkhidmatan dalam statistik bilangan pendaftaran koperasi bagi tahun 2015.

Sektor pertanian dalam koperasi, yang merangkumi sektor agromakanan turut berdepan dengan cabaran dan memerlukan transformasi bagi meningkatkan sumbangannya dalam usaha menjayakan sasaran negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Untuk mengatasi cabaran melalui peningkatan daya saing, memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir, menjamin bekalan makanan

Jadual 1: Statistik Am Koperasi mengikut Fungsi 2015

### Ringkasan Statistik Am Koperasi Mengikut Fungsi 2015

| BIL. | FUNGSI        | BILANGAN KOPERASI | ANGGOTA   | SYER/YURAN | ASET       | PEROLEHAN | BIL. KOPERASI UNTUNG |
|------|---------------|-------------------|-----------|------------|------------|-----------|----------------------|
|      |               |                   |           | (RM JUTA)  |            |           |                      |
| 1    | PERBANKAN     | 2                 | 1,276,960 | 3,319.15   | 93,910.36  | 22,702.29 | 2                    |
| 2    | KREDIT        | 596               | 1,336,364 | 5,977.36   | 13,101.86  | 5,082.93  | 430                  |
| 3    | PERTANIAN     | 2,746             | 758,041   | 839.37     | 3,989.96   | 1,039.06  | 1,107                |
|      | DEWASA        | 2,740             | 757,608   | 839.36     | 3,989.88   | 1,038.99  | 1,102                |
|      | SEKOLAH       | 6                 | 433       | 0.01       | 0.08       | 0.07      | 5                    |
| 4    | PERUMAHAN     | 255               | 146,254   | 199.63     | 954.80     | 509.54    | 90                   |
| 5    | PERINDUSTRIAN | 307               | 19,303    | 11.86      | 83.44      | 35.70     | 109                  |
| 6    | PENGGUNA      | 5,105             | 2,702,139 | 368.67     | 1,742.49   | 1,290.64  | 3,523                |
|      | DEWASA        | 2,772             | 614,673   | 344.92     | 1,433.96   | 951.77    | 1,380                |
|      | SEKOLAH       | 2,333             | 2,087,466 | 23.75      | 308.53     | 338.87    | 2,143                |
| 7    | PEMBINAAN     | 222               | 124,797   | 67.70      | 382.51     | 63.26     | 106                  |
| 8    | PENGANGKUTAN  | 472               | 149,956   | 69.04      | 333.65     | 674.89    | 317                  |
| 9    | PERKHIDMATAN  | 3,064             | 977,377   | 3,158.75   | 8,777.71   | 2,159.60  | 1,232                |
|      | DEWASA        | 3,054             | 976,892   | 3,158.73   | 8,777.68   | 2,159.59  | 1,225                |
|      | SEKOLAH       | 10                | 485       | 0.02       | 0.03       | 0.01      | 7                    |
|      | JUMLAH        | 12,769            | 7,491,191 | 13,811.52  | 123,276.78 | 33,557.89 | 6,916                |

Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia

yang mencukupi, membangunkan industri secara mampan serta menarik pelaburan, sudah pasti akan memastikan sektor pertanian terus relevan sebagai penyumbang kepada pembangunan negara.

Mengikut kajian yang dijalankan, kebanyakan koperasi fungsi pertanian yang menjalankan aktiviti agromakanan terletak di luar bandar dan berkluster mikro. Lebih kurang 40 peratus koperasi ini pula menyatakan pendapatan koperasi keseluruhan mahupun pendapatan daripada punca aktiviti agromakanan sahaja adalah kurang daripada RM 200 ribu. Kebanyakan koperasi ini juga berada di bahagian pengeluar atau sebagai peladang dalam rantai nilai agromakanan. Koperasi dilihat kurang menguasai aktiviti rantai nilai dalam agromakanan dan masih cenderung kepada sistem rantai yang bersifat tradisional serta tidak mengambil peluang untuk berkembang di sepanjang rantai nilai ini.

Mengikut kajian juga, sebilangan besar koperasi mempunyai keluasan tanah kurang daripada 10 hektar. Walaupun terdapat kepelbagaian pengeluaran agromakanan, namun kajian mendapati 40 peratus koperasi terlibat dalam perladangan

kelapa sawit. Ini diikuti dengan aktiviti tanaman kontan dan ternakan lembu. Kebanyakan koperasi mempunyai purata lima pekerja orang yang meliputi bahagian pejabat, bahagian operasi atau di bahagian ladang.

Melihat kepada statistik koperasi pertanian tahun 2013-2015 (Jadual 2), bilangan pendaftaran koperasi telah bertambah dari 2,324 buah pada tahun 2013 kepada 2,746 buah pada tahun 2015. Bilangan keanggotaan juga bertambah sebanyak 215,478 orang atau 39.7 peratus dan aset koperasi bertambah sebanyak RM 1,846.5 juta atau 86.1 peratus antara tahun 2013 - 2015.

Penekanan harus diberikan kepada koperasi yang menceburi sektor pertanian dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan negara dan memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan melalui peruntukan sebanyak RM5.8 bilion daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebanyak RM30 juta disediakan bagi pembangunan program pertanian merangkumi aplikasi penggunaan teknologi tinggi dalam pengeluaran buah dan sayuran, peningkatan pembekalan benih berkualiti, penstabilan harga melalui jualan terus dari ladang,

pewujudan pasar ikan rakyat serta penambahbaikan institusi latihan pertanian. Manakala sebanyak RM75 juta bagi meningkatkan pengeluaran produk makanan dan kesihatan.

## Peluang dan Cabaran

Banyak perancangan yang dilaksanakan kerajaan bagi memastikan sektor agromakanan negara bertambah maju dan berdaya saing untuk terus relevan sebagai penyumbang kepada pembangunan negara. Secara tuntasnya di sini, koperasi yang terlibat dalam sektor agromakanan menghadapi cabaran yang lebih besar dalam mencapai keseimbangan dari segi menjamin bekalan makanan mencukupi yang memerlukan pertambahan kawasan tanaman. Oleh yang demikian, pemahaman terhadap impak positif dan negatif amalan-amalan pertanian adalah amat penting.

Isu utama yang dihadapi adalah produktiviti yang rendah, sokongan institusi yang kurang efektif serta kekurangan tenaga kerja dan tenaga kerja berkemahiran rendah. Selain itu, industri agromakanan juga terdedah kepada cabaran perubahan iklim, persaingan daripada negara pengeluar

Jadual 2: Statistik koperasi pertanian tahun 2013-2015

| Bil. | Butiran                  | Tahun    |          |          |
|------|--------------------------|----------|----------|----------|
|      |                          | 2013     | 2014     | 2015     |
| 1.   | Bilangan koperasi (buah) | 2,324    | 2,553    | 2,746    |
| 2.   | Bilangan anggota (orang) | 542,563  | 744,863  | 758,041  |
| 3.   | Syer/Yuran (RM juta)     | 516.96   | 604.86   | 639.37   |
| 4.   | Aset (RM juta)           | 2,143.45 | 2,449.65 | 3,989.96 |

Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia

lain dan syarat yang lebih ketat untuk memasuki pasaran negara asing. Peningkatan permintaan makanan serta kekurangan tanah dan sumber pertanian yang sesuai menjadi faktor pendorong untuk meningkatkan produktiviti ke tahap yang lebih tinggi. Isu produktiviti yang utama ialah kewujudan jurang yang ketara antara hasil sebenar berbanding dengan potensi hasil.

Koperasi pertanian telah ditubuhkan bagi membolehkan petani memaksimumkan manfaat ekonomi melalui penggabungan sumber bagi memperoleh input, memudahkan pemasaran dan pengedaran serta menyediakan khidmat nasihat teknikal, jentera dan pembiayaan. Walau bagaimanapun, kebanyakan koperasi dan pertubuhan pertanian tidak diurus dengan baik, modal operasi yang terhad dan kekurangan kepakaran dalam perniagaan. Justeru, penglibatan koperasi dan pertubuhan tersebut akan terhad kepada aktiviti hulu seperti pengagihan input dan penjualan hasil pertanian.

Sokongan institusi yang tidak menyeluruh dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan pertanian oleh agensi khidmat pengembangan dan koperasi pertanian telah menjejaskan produktiviti dan kepantasan tindak balas petani untuk memenuhi keperluan pasaran semasa. Selain itu, peranan koperasi pertanian sebahagian besarnya terhad kepada aktiviti tertentu dalam rantai bekalan yang membataskan peluang penjana pendapatan koperasi.

Di samping itu, modal insan berkualiti dan progresif merupakan

**Penekanan harus diberikan kepada koperasi yang menceburi sektor pertanian dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan negara dan memastikan kelestarian jaminan bekalan makanan**

faktor yang menyokong transformasi dan pemodenan industri pertanian. Pemerkasaan modal insan terutamanya dalam kalangan pekerja mahir dan separuh mahir boleh memacu pemodenan industri ini. Bilangan pekerja mahir yang diperlukan untuk meningkatkan produktiviti dan memodenkan sektor pertanian adalah kecil kerana tahap mekanisasi dan penggunaan teknologi yang rendah serta aktiviti pertanian berskala kecil. Sehubungan ini, pembangunan modal insan berasaskan pengetahuan, kemahiran dan teknologi serta keusahawanan perlu diberi tumpuan.

Beberapa strategi umum boleh dilaksanakan oleh koperasi bagi menyelesaikan isu utama yang menghalang pembangunan dan peningkatan produktiviti merentasi industri dalam subsektor agromakanan. Strategi ini juga akan memberikan tumpuan bagi meningkatkan pendapatan koperasi, khususnya kumpulan berpendapatan terendah. Bidang-bidang yang boleh memacu pemodenan subsektor agromakanan adalah seperti yang berikut:

- Meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, nelayan dan penternak,
- Memperkasa keupayaan koperasi dan pertubuhan pertanian pada sepanjang rantai bekalan,
- Meningkatkan latihan dan pembangunan agropreneur muda,
- Memperkukuh sokongan institusi dan khidmat pengembangan,
- Menambah baik saluran kepada pasaran dan sokongan logistik, dan
- Memperluas akses kepada pembiayaan pertanian.

### **Kesimpulan**

Gerakan koperasi negara harus menggunakan kekuatan industri agromakanan, termasuk sumber biodiversiti serta pengetahuan dan inovasi kepelbagaian etnik untuk menghasilkan produk-produk baru yang menepati cita rasa pengguna. Inovasi yang menambahbaik sesuatu teknologi akan mengeluarkan hasil dan produk pertanian yang berkualiti tinggi, berkhasiat dan selamat dimakan akan memastikan industri mampu bersaing dalam suasana perdagangan global yang semakin terbuka. Faktor ini akan menjadi penentu kepada kelangsungan ekonomi koperasi dan dapat meletakkannya ke tahap yang stabil dan selamat pada masa hadapan. Gerakan koperasi perlu menggunakan peluang yang ada dalam memajukan industri ini seterusnya meningkatkan pendapatan koperasi yang membawa kepada kesejahteraan anggota.

## ALAMAT

Laman Web:

Facebook:

### Maktab Koperasi Malaysia

#### Zon Utara

No. 1515, Wisma KGMKB  
Jalan Tunku Ibrahim  
05000 Alor Setar  
Kedah Darul Aman  
Tel: 04-7337527  
Faks: 04-7337532  
E-mel: mkmcutara@mkm.edu.my

Perlis

Kedah

Kelantan

Pulau Pinang

Perak

Ipoh

Kota Bharu

Kuala Terengganu

Terengganu

### Kampus Induk dan Zon Tengah Maktab Koperasi Malaysia

103, Jalan Templer  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03 – 7964 9000  
Faks: 03 – 7957 0434/03-7954 3957/  
03-7957 9076  
E-mel: mkm@mkm.edu.my  
Laman web: <http://www.mkm.edu.my>

Selangor

Kuala Lumpur

Kuantan

Pahang

### Maktab Koperasi Malaysia Zon Timur

Kompleks Inkubator  
Indera Mahkota 14,  
Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-2506529  
Faks: 09-2506530  
E-mel: mkmctimur@mkm.edu.my

### Icoop Malaysia

No. 21, Jalan Selangor, Seksyen 6  
46050 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 011-2917 6552/ 019-293 6552  
E-mel: info@icoop.edu.my

Putrajaya

Seremban

Negeri Sembilan

Melaka

Johor



Johor Bahru

### Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan

Tingkat 1, Bangunan Kerjasama,  
Jalan Dhoby  
80000 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim  
Tel: 07-2262119  
Faks: 07-2262125  
E-mel: mkmcselatan@mkm.edu.my

## PERHUBUNGAN

[www.mkm.edu.my](http://www.mkm.edu.my)  
maktabkoperasimalaysia





# Yuran Penyertaan



**5 KM RM 40**

**TERBUKA**

**12 KM RM 50**  
ANGGOTA KOPERASI  
**RM 55**  
BUKAN ANGGOTA KOPERASI

# Larian MKM



TUNJANG PENDIDIKAN KOPERASI

ANJURAN MAKTAB KOPERASI MALAYSIA



# 16 OKTOBER 2016 | AHAD

## PEKARANGAN BANGUNAN KPDNKK, PUTRAJAYA

# PELEPASAN 7.15 PAGI

Daftar Di:

<http://event.howei.com>

Sebarang Pertanyaan boleh hubungi:

|             |              |
|-------------|--------------|
| PN. BIHA    | 03 7964 9151 |
| PN. HAMIDAH | 03 7964 9155 |
| EN. FAIZ    | 03 7964 9056 |
| EN. ZAIB    | 03 7964 9020 |

### YURAN PENYERTAAN TERMASUK:

- > T-SHIRT
- > MEDAL
- > GOODIE BAG
- > SIJIL PENYERTAAN
- > CABUTAN BERTUAH
- > HADIAH WANG TUNAI (Untuk 12KM SAHAJA)

**HADIAH  
WANG TUNAI**  
(12KM Sahaja)  
(Kategori Lelaki dan Wanita)

**PERTAMA:**

**RM400**

**KEDUA:**

**RM300**

**KETIGA:**

**RM200**

**KEEMPAT:**

**RM100**

**KE 5-10:**

**HAMPER  
BERNILAI  
RM50**

Tarikh Tutup Penyertaan:

**20 SEPTEMBER 2016**